

**GARIS PANDUAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN
PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC)
SEKTOR PENGAJIAN TINGGI, KPM 2014**

PENDAHULUAN

1. Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) telah diilhamkan melalui National Blue Ocean Strategy (NBOS) Summit Meeting pada 21 November 2012 untuk membawa kemudahan, sumber dan tenaga universiti untuk sama dinikmati oleh semua masyarakat. Melalui UCTC pelbagai sumber universiti yang terdiri daripada para pelajar, tenaga pengajar & fasiliti di universiti awam dapat digerakkan bagi mentransformasikan masyarakat setempat. Program yang dijalankan dapat mengurangkan jurang dan sempadan di antara warga kampus dan komuniti setempat.

LATAR BELAKANG

2. Terdapat lima (5) inisiatif yang digunakan bagi mencapai maksud UCTC ini iaitu:

(a) membantu fakulti menyediakan bidang praktikal di dalam program / kursus universiti;

(b) melibatkan fakulti dan pelajar dalam aktiviti transformasi di bandar dan luar bandar;

(c) membolehkan komuniti tempatan untuk mengakses kursus universiti dan kemudahan yang tidak digunakan sepenuhnya;

(d) melibatkan pakar-pakar yang berkelayakan untuk mengajar kursus-kursus jangka pendek; dan

(e) menggunakan infrastruktur intelektual dan fizikal universiti untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan.

3. Mengikut rekod lebih daripada 700 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2013 dengan menggunakan peruntukan sedia ada di Kementerian Pendidikan Malaysia dan universiti yang terlibat. Aktiviti sebegini adalah terdiri dari aktiviti sedia ada dan mempunyai pelbagai skala.

4. Bagi tahun 2014, sejumlah peruntukan khas sebanyak RM10 juta telah diberikan oleh Kementerian Kewangan untuk pelaksanaan UCTC. Ini bermakna selain daripada peruntukan sedia ada Kementerian dan universiti, pihak kementerian akan diberikan peruntukan tambahan bagi memastikan kejayaan program UCTC ini. Justeru itu pengagihan peruntukan kepada aktiviti yang sesuai dan berimpak tinggi perlu diutamakan. Ini bertepatan dengan langkah penjimatan kerajaan bagi memastikan masyarakat merasai kehadiran UCTC.

KAEDAH PENGAGIHAN

5. Memandangkan tahun 2014 merupakan tahun pertama peruntukan khas diberikan, pulangan atau outcome yang tinggi kepada masyarakat adalah diharapkan. Untuk itu pihak sekretariat mencadangkan kaedah pengagihan adalah berasaskan perkara-perkara seperti berikut:

- a. Prinsip dan markah pemberat dalam pemilihan program adalah seperti berikut:

Bil.	Prinsip	Huraian	Pemberat
1.	<i>Low Cost</i>	Penggunaan kos yang minima	2
2.	<i>Rapid execution</i>	Pelaksanaan pantas	2
3.	<i>High Impact</i>	Membawa impak yang tinggi kearah mentransformasikan masyarakat setempat	4
4.	<i>Sustainable</i>	Berterusan	2
Jumlah			10

- b. Tumpuan utama aktiviti / program UCTC bagi tahun 2014 adalah *visibility* (keternampakan). Ini bermaksud keternampakan UCTC pada pandangan umum. Aktiviti yang dirancang adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Huraian
1.	Fizikal	Pengubahsuaian bangunan pejabat sedia ada, papan tanda dan penunjuk arah.
2.	Aktiviti terancang	Aktiviti yang memiliki potensi menghasilkan impak yang tinggi dibiayai mengikut lima inisiatif UCTC.
3.	Publisiti dan promosi	Pengiklanan berimpak tinggi dengan kos yang optima diutamakan. Selain itu kaedah perekodan yang berkesan perlu dirangka.
4.	Sistem pengurusan maklumat	Pengumpulan maklumat dan rekod yang teratur dan kemaskini menggunakan kaedah elektronik diutamakan.

- c. Pengagihan peruntukan kepada IPTA , IPTS dan Bahagian-Bahagian adalah berdasarkan program/aktiviti yang telah dikenalpasti mengikut prinsip NBOS iaitu LRHS. Justeru itu tumpuan akan diberikan kepada IPT yang mempunyai *signature program* dan program *flagship* yang berteraskan kepada lima (5) inisiatif UCTC dan prinsip NBOS.
- d. Setiap penerima peruntukan diwajibkan melaporkan perbelanjaan aktiviti serta program dan impak program seminggu selepas sesuatu program/aktiviti selesai dijalankan kepada sekretariat NBOS, KPM mengikut format yang disediakan.

CADANGAN PENGAGIHAN

6. Cadangan pengagihan adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala format laporan perbelanjaan bulanan adalah seperti di **Lampiran B**.

PENUTUP

7. Penyediaan garis panduan ini merupakan pemangkin kepada mutu penyampaian perkhidmatan dan program berimpak tinggi yang dijalankan. Hasilnya IPT mampu menggerak masyarakat kepada kehidupan yang lebih baik selaras dengan objektif transformasi negara.

Seksyen NBOS

Kementerian Pendidikan Malaysia

Sektor Pengajian Tinggi

16 Januari 2014